Badan Khairat Kematian dan Pengurusan Jenazah Masjid Nurul Ihsan.

email : nurul.ihsan.tsc@gmail.com | 012-339 5495

Syarat-Syarat Menjadi Ahli.

1. Beragama Islam dan berumur **tidak kurang dari 18** tahun dan **tidak melebihi umur 75 tahun**.
2. **Melengkapkan Borang Permohonan** dan menyerahkan kepada Pengerusi Badan Khairat Kematian dan Pengurusan Jenazah atau kepada Pegawai dan AJK Masjid Nurul Ihsan.
3. Borang permohonan hendaklah disertakan dengan Yuran Keahlian dan Yuran Tahunan.

   Yuran Keahlian : RM20.00 (sekali seumur hidup)

   Yuran Tahunan : RM36.00 (RM3.00 sebulan)
4. Bersetuju dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan didalam Buku Perlembagaan Badan Khairat Kematian dan Pengurusan Jenazah Masjid Nurul Ihsan.
5. **Tempoh matang** keahlian ialah **30 hari** dari tarikh permohonan. Ahli hanya akan memperolehi manfaat keahlian selepas tamat tempoh matang.
6. Menjelaskan yuran tahunan **pada atau sebelum 31hb Mei** pada tahun semasa.
7. Tanggunan ahli yang layak menerima manfaat bersama ahli ialah:
   i. Pasangan. (suami / isteri yang didaftarkan didalam borang keahlian)
   ii. Anak lelaki berumur 13 – 23 tahun
   iii. Anak perempuan yang belum pernah berkahwin.
   iv. Anak angkat (13 tahun – 23 tahun) yang didaftarkan dan diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara menerusi Akta Pendaftaran Anak Angkat 1952 (Akta 253)
   v. Anak lelaki dan perempuan berumur 6 – 12 tahun.
   vi. Bayi yang sempurna sifat berumur sehingga 5 tahun.
   vii. Ibu dan bapa.

DRAF v1.0

viii. Ibu mertua dan bapa mertua, (suami / isteri yang didaftarkan didalam borang keahlian).

Caj Pengurusan Jenazah

Pengurusan jenazah boleh dilaksanakan oleh Badan Khairat Kematian dan Pengurusan Masjid Nurul Ihsan atau mana-mana badan khairat yang lain (atas persetujuan waris). Bagi BKKdPJ MNI caj pengurusan yang dikenakan ialah sebanyak RM1,350.00. Pecahan adalah seperti berikut:

i.	Pengurusan Tanah Kubur *(Tanah Perkuburan Islam Batu 10, Cheras Perdana)*	: RM600.00
ii.	Mandi dan Kafan	: RM200.00
iii.	Solat Jenazah dan Talkin	: RM100.00
iv.	Pengangkutan (Van & Pemandu) *(Lembah Klang Sahaja)*	: RM100.00
v.	Kain Kafan dan peralatan lain	: RM300.00
vi.	Pengurusan	: RM50.00

Pihak badan khairat hanya menyediakan maklumat bagi anggaran perbelanjaan pengendalian jenazah semasa. Sebarang perubahan tertakluk kepada perkembangan semasa. Waris digalakkan mengambil bahagian bagi pengurusan jenazah keluarga sebagai tanda penghormatan terakhir kepada jenazah.

Sebarang urusan pengendalian jenazah boleh diajukan kepada Nazir Masjid (Pengerusi Badan Khairat) dan Pegawai masjid.

Manfaat Keahlian

Manfaat keahlian ini hanya layak diperolehi kepada ahli yang **berstatus ahtif sahaja**.

Ahli, pasangan dan tanggungan yang sah akan memperolehi manfaat seperti dibawah:

Jika berlaku kematian.

No	Ahli dan Tanggungan	Meninggal di dalam kariah	Meninggal di luar kariah
1	Ahli	Jenazah akan diuruskan oleh BKKdPJ sepenuhnya dan tiada sebarang caj akan dikenakan.	Jenazah diuruskan oleh Badan khairat kariah kawasan setempat. Saguhati RM1000.00 akan diberikan kepada waris yang menguruskan perbelanjaan pengkebumian ahli.
2	Pasangan (yang didaftarkan dalam borang permohonan keahlian)	Jenazah akan diuruskan oleh BKKdPJ sepenuhnya dan tiada sebarang caj akan dikenakan.	Jenazah diuruskan oleh Badan khairat kariah kawasan setempat. Saguhati RM1000.00 akan diberikan kepada waris yang menguruskan perbelanjaan pengkebumian ahli.
3	Anak lelaki & anak angkat (13 tahun – 23 tahun)	Jenazah akan diuruskan oleh BKKdPJ dan caj sebanyak RM 950.00 akan dikenakan kepada waris. Perlu mendapat persetujuan waris.	Jenazah diuruskan oleh Badan khairat kariah kawasan setempat. Saguhati RM400.00 akan diberikan kepada waris yang menguruskan perbelanjaan pengkebumian ahli.
4.	Anak perempuan & anak angkat (belum pernah berkahwin)	Jenazah akan diuruskan oleh BKKdPJ dan caj sebanyak RM 950.00 akan dikenakan kepada waris. Perlu mendapat persetujuan waris.	Jenazah diuruskan oleh Badan khairat kariah kawasan setempat. Saguhati RM400.00 akan diberikan kepada waris yang menguruskan perbelanjaan pengkebumian ahli.
5.	Anak lelaki dan perempuan (6 – 12 tahun)	Jenazah akan diuruskan oleh BKKdPJ dan caj sebanyak RM 1000.00 akan dikenakan kepada waris. Perlu mendapat persetujuan waris.	Jenazah diuruskan oleh Badan khairat kariah kawasan setempat. Saguhati RM350.00 akan diberikan kepada waris yang menguruskan perbelanjaan pengkebumian ahli.
6.	Bayi yang sempurna sifat	Jenazah akan diuruskan oleh BKKdPJ sepenuhnya dan tiada sebarang caj akan dikenakan.	Jenazah diuruskan oleh Badan khairat kariah kawasan setempat.

DRAF V1.0

No	Ahli dan Tanggungan	Meninggal di dalam kariah	Meninggal di luar kariah
	(sehingga berumur 5 tahun)		Saguhati RM300.00 akan diberikan kepada waris yang menguruskan perbelanjaan pengkebumian ahli.
7	Ibubapa dan Ibubapa mertua (didaftarkan)	Jenazah akan diuruskan oleh BKKdPJ dan caj sebanyak RM 1050.00 akan dikenakan kepada waris. Perlu mendapat persetujuan waris.	Jenazah diuruskan oleh Badan khairat kariah kawasan setempat. Saguhati RM300.00 akan diberikan kepada waris yang menguruskan perbelanjaan pengkebumian ahli.

Syarat Dan Terma Tuntutan.

1. Kelayakan tuntutan hanya kepada ahli yang berstatus aktif sahaja.
2. Tuntutan kematian terhad kepada satu tuntutan sahaja.
3. Tuntutan hanya diberikan berdasarkan rekod pendaftaran sahaja. Ahli hendaklah memaklumkan kepada pihak pengurusan Badan Khairat untuk senarai tanggungan yang sah.
4. Kematian ahli. Keahlian hanya boleh berpindak kepada pasangan pertama sahaja, tidak boleh berpindah kepada waris lain.
5. Tuntutan saguhati (pengurusan jenazah dilakukan oleh pihak lain) hendaklah disertakan dokumen berikut:
   i. Borang Permohonan Tuntutan Saguhati
   ii. Sijil Kematian atau Daftar Kematian Atau Permit Pengebumian.
   iii. Salinan Kad Pengenalan Ahli dan
   iv. Salinan Kad Pengenalan Waris (penuntut)
6. Tempoh tuntutan tidak melebihi 6 bulan dari tarikh kematian.
7. Tempoh proses permohonan adalah 14 hari dari tarikh borang permohonan diterima. Borang permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen-dokumen lain yang diperlukan.